

Soalan 1-18

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Peserta ekspedisi itu bekerjasama membuat _____ daripada buluh untuk menyeberang sungai.
- A bubu.
 - B rakit.
 - C perahu.
 - D pancing.

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Pasukan Pengakap itu telah berjaya mendaki ke _____ Gunung Kinabalu.
- A atas.
 - B puncak.
 - C seberang.
 - D tengah.
- 3 "Hari sudah pun petang, baiklah saya pulang dahulu. Esok, _____ sambung lagi," kata Ida kepada rakan-rakannya.
- A kami.
 - B kamu.
 - C kita.
 - D mereka.

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Abang hanya minum _____ daripada susu itu kerana kesuntukan masa.
- A suku.
 - B semua.
 - C seluruh.
 - D separuh.

- 5 Marina memasukkan beberapa _____ pewarna merah ke dalam agar-agar itu.
A titis.
B tompok.
C butir.
D ulas.
- 6 Murid-murid itu sedang berbincang _____ tajuk karangan yang diberikan oleh guru mereka.
A dari.
B untuk.
C tentang.
D sejak.
- 7 Pendapatan tukang jahit sangat _____ terutamanya pada musim perayaan.
A mahal.
B mewah.
C lumayan.
D luas.

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Kevin membaca buku sambil berehat di bawah pohon yang _____ itu.
A redang.
B rendang.
C renek.
D redup.
- 9 Ibu membasuh ikan haruan dengan air asam jawa untuk menghilangkan bau _____.
A hanyir.
B hapak.
C hamis.
D hancing.
- 10 Laksamana Hang Tuah sedang _____ kerisnya untuk menikam Hang Jebat.
A menghunus.
B menyarung.
C menghulur.
D menyorong.

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



- 11 Mak Cik Bedah sedang _____ bakul di atas kepalanya.
A menjinjing.
B menatang.
C mengelek.
D menjunjung.
- 12 Suzi _____ menyiapkan tugas yang diberi oleh guru dengan bantuan kakaknya.
A mahu.
B mesti.
C dapat.
D belum.
- 13 _____ di bangku sekolah lagi, Nicol sudah bergiat aktif dalam bidang sukan skuasy.
A Selagi.
B Tatkala.
C Apabila.
D Sementara.
- 14 Hafiz ditegur oleh pengawas kerana _____ ketika membeli makanan di kantin.
A berlumba-lumba.
B berapat-rapat.
C berasak-asakan.
D berebut-rebut.
- 15 Hati Anita _____ apabila mengenangkan peristiwa pahit itu.
A remuk-redam.
B kusut-masai.
C sedu-sedan.
D seelok-cloaknya.
- 16 Ibu _____ menunggu abang yang masih belum pulang dari tempat kerja.
A turun naik.
B resah gelisah.
C tungkus lumus.
D serba salah.

- 17 Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan membantu murid-murid yang tidak _____ membayar yuran persekolahan mereka.
- A berkebolehan.
 - B berkeinginan.
 - C berkemampuan.
 - D berkedudukan.
- 18 Mangsa kemalangan itu merupakan _____ yang menuntut di Universiti Malaysia Terengganu.
- A sukarelawan.
 - B mahaguru.
 - C maharaja.
 - D mahasiswa.
- 19 Selepas makan malam, aku dan adik duduk di serambi rumah datuk sambil berbual-bual. Perkataan seerti bagi serambi ialah _____.
- A ruang tamu.
 - B ruang makan.
 - C beranda.
 - D ruang legar.
- 20 Budak-budak suka mandi di sungai itu kerana airnya sangat jernih. Perkataan berlawanan bagi jernih ialah _____.
- A tohor.
 - B cetek.
 - C keruh.
 - D dalam.

Soalan 21 - 22

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 21 I Baju yang dipakai oleh gadis itu sangat jarang.
II Ayah jarang pulang ke kampung.
III Jarang rumah saya dengan sekolah kira-kira dua kilometer.
IV Gigi budak lelaki itu jarang.
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 22 I Encik Johan bercadang untuk memelihara ikan air tawar.
II Burhan telah tawar hati dengan pelawaan rakannya itu.
III Pasar raya itu membuat tawar istimewa sempena hari raya.
IV Pak Leman dijemput menepung tawar pasangan pengantin itu.
- A I, II dan III
B II dan III
C III dan IV
D I, II dan IV
- 23 *Pilih jawapan yang paling sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.*
Bagaimanakah saya hendak memohon jawatan itu?
- A Jawatan itu untuk calon yang berkelayakan sahaja.
B Kamu hendaklah mengisi borang permohonan untuk memohon jawatan itu.
C Kamu layak memohon jawatan itu sekiranya mempunyai kelulusan akademik.
D Syarikat itu akan mengiklankan jawatan itu pada bulan hadapan.
- 24 *Pilih ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.*
Pertandingan syarahan itu akan diadakan pada minggu hadapan.
- A Di manakah pertandingan syarahan itu akan diadakan?
B Apakah yang akan berlaku pada minggu hadapan?
C Bilakah pertandingan syarahan itu akan diadakan?
D Benarkah pertandingan syarahan itu akan diadakan pada minggu hadapan?

Soalan 25 - 26

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 25 "Makanlah sarapan dahulu sebelum pergi ke sekolah," kata ibu kepada adik.
- A Ibu mempelawa adik makan sarapan bersama-sama sebelum bertolak ke sekolah.
B Ibu menyuruh adik makan sarapan dahulu sebelum bertolak ke sekolah.
C Sebelum pergi ke sekolah, adik mengajak ibu makan sarapan dahulu.
D Ibu menasihati adik pergi ke sekolah dahulu sebelum makan sarapan.
- 26 Pusat Sukan 1Malaysia akan dirasmikan oleh Menteri Besar Terengganu.
- A Menteri Besar Terengganu akan dirasmikan Pusat Sukan 1Malaysia.
B Pusat Sukan 1Malaysia Menteri Besar Terengganu akan dirasmikan.
C Pusat Sukan 1Malaysia akan dirasmi bersama Menteri Besar Terengganu.
D Menteri Besar Terengganu akan merasmikan Pusat Sukan 1Malaysia.

Soalan 27 - 28

Pilih ayat yang betul.

- 27 A Sila nyanyikan sebuah lagu kanak-kanak, sudah lama saya tidak mendengarnya.
 B Tolong jangan ambil baju itu, saya belum basuh lagi.
 C Minta makan nasi lemak yang saya hidangkan itu.
 D Jemputlah masuk dahulu, nanti saya akan panggilkan kakak.
- 28 I Pada sebelah petang, Sang Suria memancarkan cahaya yang panas terik.
 II "Biarlah dia duduk berangan-angan di situ," kata Suzana.
 III Bila kamu ada kesempatan, datanglah ke Bengkel Penulisan Bahasa Melayu itu.
 IV Gambar itu ditampal di papan kenyataan dalam bilik perpustakaan.
- A I dan II
 B III dan IV
 C I, II dan III
 D I, III dan IV

Soalan 29 - 30

Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang sesuai.

Setelah menempuh perjalanan yang lama, akhirnya mereka sampai di Stesen Angkasa. Mereka **berlapang dada**.

- 29 Simpulan bahasa **berlapang dada** membawa maksud _____.
 A membuka baju.
 B berasa lega.
 C berasa letih.
 D perasaan yang sayu.
- 30 Cikgu Linda tidak berpuas hati dengan susunan kerusi yang bengkok-bengkok seperti ____ itu.
 A anjing dengan kucing.
 B ikan pulang ke lubuk.
 C rusa masuk kampung.
 D ular kena palu.

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rusa merupakan sejenis hidupan liar yang mendapat perlindungan khas daripada kerajaan Malaysia. Rusa adalah sejenis haiwan herbivor, iaitu haiwan pemakan tumbuh-tumbuhan serta mempunyai sistem pemindahan makanan yang cekap. Memandangkan permintaan pasaran bagi rusa amat tinggi, kerajaan sentiasa memastikan agar hidupan ini tidak pupus dan terkawal.

Rusa adalah haiwan yang unik dan istimewa. Rutin makanan rusa adalah mudah kerana selain diberikan makanan rumput, rusa juga boleh diberikan makanan seperti biji palet yang dicampurkan dengan multivitamin. Selain itu, tumbuh-tumbuhan juga boleh diberikan sebagai makanannya seperti daun petai belalang, daun ubi, Acacia, Hibiscus, nangka, cempedak, ara, roti, pisang dan betik.

Aktiviti pembiakan rusa adalah sangat aktif. Seekor rusa boleh mengawan ketika mencapai umur 18 hingga 20 bulan. Seekor rusa jantan mampu membuntingkan kira-kira 20 hingga 25 ekor rusa betina. Kadar rintangan terhadap penyakit juga adalah tinggi. Kajian menunjukkan antibodi rusa amat kuat sehingga tidak perlu diberi suntikan *pencegahan*. Oleh yang demikian, ini membolehkan pemeliharaan rusa dilakukan secara besar-besaran dan amat menguntungkan.

31 Mengapakah rusa termasuk dalam haiwan yang mendapat perlindungan khas?

- A Agar rusa ini mudah dipelihara.
- B Agar spesies rusa terus berkekalan.
- C Agar rusa dapat dikomersialkan.
- D Agar daging rusa dapat dimakan.

32 Perusahaan penternakan rusa mendapat galakan kerana

- A rusa mudah dipelihara.
- B bidang ini mudah diusahakan.
- C rusa merupakan haiwan yang unik dan istimewa.
- D permintaan pasaran rusa amat tinggi dan laba.

33 Apakah rutin makanan bagi rusa?

- A Roti, pisang dan betik.
- B Batang pokok dan multivitamin.
- C Rumput dan biji palet yang bercampur multivitamin.
- D Belalang, daun ubi dan daun nangka.

34 Rusa tidak perlu diberi ubat pencegahan penyakit kerana

- A antibodi rusa sangat kuat.
- B aktiviti pembiakan rusa amat aktif.
- C rusa mempunyai sistem pemindahan makanan yang cekap.
- D rusa mendapat perlindungan khas daripada kerajaan Malaysia.

35 Perkataan *pencegahan* dalam petikan bermaksud

- A pembantah.
- B pencegahan.
- C penghalang.
- D pemantul.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tarikh : 2 Jun 2012

Masa : 6.00 pagi.

Ayah membawa kami sekeluarga bercuti di Tanah Tinggi Cameron. Jalan menuju ke sana berliku-liku dan menyeramkan. Ayah memandu keretanya dengan berhati-hati.

Masa : 9.00 pagi.

Saya berasa pening kerana mabuk. Ibu memberi saya ubat untuk menahan daripada muntah.

Masa : 11.00 pagi.

Selamat sampai di Pekan Tanah Rata. Udara di Tanah Tinggi Cameron amat dingin dan nyaman. Kami menginap di rumah rehat yang telah ditempah. Kami bergilir-gilir mandi.

Masa : 12.45 tengah hari.

Selepas makan tengah hari, kami melawat ke ladang teh. Kami dapat belajar cara-cara memetik daun teh. Kami juga berpeluang melawat ke kilang teh untuk melihat cara-cara daun teh diproses, dibungkus dan dipasarkan.

Masa : 3.30 petang.

Berkunjung ke kebun bunga ros. Di situ terdapat pelbagai jenis bunga ros yang *kembang* dengan cantik.

Masa : 5.00 petang.

Ayah membawa kami ke kebun kaktus. Saya tertarik melihat pelbagai jenis kaktus yang berduri. Ada pula kaktus yang berbunga.

Masa : 6.00 petang.

Kembali ke tempat penginapan untuk makan malam lalu berehat kerana terlalu letih.

Tarikh : 3 Jun 2012

Masa : 9.00 pagi.

Melawat ladang strawberi. Dapat memetik buah strawberi dan melihat cara-cara strawberi diproses untuk dibuat jem.

Masa : 11.00 pagi.

Berjalan-jalan di pasar, kami telah membeli beberapa jambak bunga segar dan bunga kering. Ibu membeli sayur-sayuran yang segar untuk dibawa pulang. Kami juga membeli cenderahati untuk dijadikan kenangan.

Masa : 12.00 tengah hari.

Makan tengah hari. Berkemas untuk bertolak pulang ke Chukai.

- 36 Penulis sekeluarga melawat ke Tanah Tinggi Cameron dengan
- A kereta sewa.
 - B kenderaan awam.
 - C kereta persendirian.
 - D bas persiaran.
- 37 Apakah yang dipelajari oleh penulis ketika melawat ke ladang teh?
- A Cara-cara daun teh diproses.
 - B Cara-cara daun teh dipetik.
 - C Proses pembungkusan teh.
 - D Bagaimana teh dipasarkan.
- 38 Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.
- A Udara di Tanah Tinggi Cameron sejuk dan nyaman pada waktu malam.
 - B Penulis muntah kerana jalan ke Tanah Tinggi Cameron berliku-liku.
 - C Penulis berpeluang untuk memetik buah strawberi.
 - D Penulis membeli sayur-sayuran yang segar untuk dibawa pulang.
- 39 Antara tempat-tempat yang dilawati oleh penulis adalah seperti berikut **kecuali**
- A kebun sayur.
 - B kebun bunga.
 - C ladang strawberi.
 - D kilang teh.
- 40 Perkataan *kembang* dalam petikan bermaksud
- A memancar
 - B mekar.
 - C megah.
 - D melambai.

KERTAS SOALAN TAMAT